

Ruj : UTM.J10. 01/14.14/1/10 Jld 5 (46)
Tarikh: 11 Julai 2021

SENARAI SEPERTI DI LAMPIRAN

PENYERAHAN LAPORAN PROJEK SARJANA/DISERTASI DALAM FORMAT DIGITAL BAGI PROGRAM KERJA KURSUS DAN MOD CAMPURAN OLEH PELAJAR KEPADA FAKULTI / SEKOLAH DAN PERPUSTAKAAN UTM

Dengan segala hormatnya perkara di atas dan Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Pengajian Siswazah Universiti (JAPSU) bil.9/2020/2021 pada 28 Jun 2021 adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kertas Kerja Draf Polisi Penyerahan Tesis/Disertasi/Projek Sarjana Muda Dalam Format Digital Oleh Fakulti/Sekolah Ke Perpustakaan UTM telah dipersetujui dan diluluskan oleh mesyuarat Senat Universiti bil.8/2018/2019 supaya proses penghantaran Laporan Projek Sarjana/Disertasi bagi program Sarjana Kerja Kursus dan Mod Campuran dilaksanakan secara *softcopy* mengikut kaedah yang ditetapkan oleh pihak fakulti/sekolah masing-masing.

3. Pelajar tidak perlu lagi menghantar Laporan Projek Sarjana/Disertasi dalam bentuk berjilid kepada fakulti/sekolah atau penyelia. Lanjutan ini, penghantaran kepada Perpustakaan UTM akan diuruskan oleh fakulti/sekolah secara digital.

4. Walaubagaimana pun, bagi program Doktor Falsafah/PhD Mod Campuran dan Sarjana Falsafah, penghantaran tesis/disertasi adalah masih merujuk kepada Pekeliling Akademik SPS bil.1/2019 iaitu pelajar diwajibkan menghantar satu (1) naskhah tesis/disertasi asal berjilid dan dua (2) CD yang mengandungi *e-thesis* ke fakulti/sekolah bagi tujuan simpanan Koleksi Khas Perpustakaan UTM sama ada di kampus Johor Bahru/ Kuala Lumpur tertakluk kepada lokasi pusat pembelajaran pelajar.

5. Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama pihak fakulti/sekolah untuk memaklumkan perkara ini kepada semua penyelia dan pelajar.

Sekian, kerjasama yang diberikan didahului dengan ucapan jutaan terima kasih. Wassalam.

“Prihatin Rakyat: Darurat Memerangi COVID-19”

“Berkhidmat untuk Negara”

Yang Menjalankan Amanah,



PROF. MADYA DR. NOOR HAZARINA BINTI HASHIM

Pengerusi

Sekolah Pengajian Siswazah

UTM Johor Bahru

Johor, Malaysia

☎: 07-5537881

✉: m-hazarina@utm.my

s.k - **Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa**
Universiti Teknologi Malaysia

- **Ketua Pustakawan**
Perpustakaan UTM

Dekan

Fakulti Alam Bina dan Ukur
Fakulti Kejuruteraan
Fakulti Sains
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim

Pengerusi

Sekolah Kejuruteraan Awam
Sekolah Kejuruteraan Bioperubatan dan Sains Kesihatan
Sekolah Kejuruteraan Elektrik
Sekolah Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga
Sekolah Kejuruteraan Mekanikal
Sekolah Komputeran
Sekolah Pembangunan Sumber Manusia dan Psikologi
Sekolah Pendidikan
Akademi Tamadun Islam
Akademi Bahasa

UTM Johor Bahru

Dekan

Fakulti Teknologi dan Informatik Razak
Malaysia-Japan International Institute of Technology

UTM Kuala Lumpur